



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-20947033
Fax : 03-20956523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(19)KPKT/BPK/19/7/4 Klt.25

21 Mei 2009

SIARAN MEDIA

(PRESS RELEASE)

Berikut adalah maklum balas daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai laporan akhbar Sinar Harian bertarikh 13 Mei 2009.

ENAM TAHUN TAGIH PEMAJU TUNAI JANJII

Projek Perumahan Pangsapuri Kos Rendah, Taman Petaling Utama PJS 1/52 telah dimulakan pada 27 Januari 2004 berdasarkan Surat Perjanjian Jual Beli (SPJB) pertama bertarikh 27 Januari 2004. Projek ini sepatutnya siap pada 26 Januari 2007.

Pemaju projek ini ialah Peters Brickworks Sdn. Bhd. Kemajuan kerja projek ini hanyalah 30 peratus sahaja. Kesemua Rumah Pangsa Kos Rendah adalah berjumlah 276 unit mengikut laporan 7F Jabatan Perumahan Negara (JPN). Projek ini berada di lokasi Taman Petaling Utama, Jalan Klang Lama.

Projek ini telah tergendala akibat pihak MBPJ telah mengeluarkan Notis kepada Pemaju untuk memberhentikan kerja-kerja pembinaan.

Tindakan ini diambil disebabkan terdapat kes Permohonan Semakan Kehakiman yang telah difailkan oleh seorang individu, iaitu, Puan Indrani a/p K. Rasiah. Sehingga hari ini, kes Mahkamah tersebut belum diselesaikan.

JPN telah mengeluarkan surat panggilan mesyuarat kepada Pemaju Peters Brickworks Sdn Bhd dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan akan menemui mereka pada 26 Mei 2009 (SELASA) bagi mengetahui status mahkamah daripada Pemaju dan juga nasib Pembeli. Dalam masa yang sama JPN juga ingin mengetahui status pemberhentian kerja di tapak projek daripada MPPJ. Walau bagaimanapun pada dasarnya JPN tetap akan menghormati apa-apa keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah. Ini bagi mengelakkan apa-apa tindakan JPN yang boleh dianggap '**sub judice**'.

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan